PENGAYAAN **Rakyat Bertoleransi, Negara Harmoni**

Teliti contoh situasi di bawah.

Kamu dan keluarga hendak mengambil bagasi di lapangan terbang. Pada ketika itu, banyak orang termasuk pelancong dari negara luar sedang menunggu untuk mengambil bagasi. Kamu tidak sabar menunggu dan terus berlari ke hadapan tempat mengambil bagasi tanpa mempedulikan orang ramai yang sudah berada di situ. Wajarkah tindakan kamu? Berikan sebab.

Jawapan
tidak wajar

Sebab
1. menjejaskan nama baik negara
2. berlaku tolak-menolak
3. berlaku perselisihan faham

Tindakan toleransi yang sepatutnya kamu ambil
1. memberikan laluan kepada orang ramai yang sedang menunggu
2. sabar dan menunggu giliran
3. bertolak ansur dengan pelancong

Berdasarkan contoh di atas, berikan jawapan yang sesuai.

Situasi 3

Kebiasaannya, kamu dan rakan-rakan menjalani latihan tarian kebudayaan di ruang tamu rumah panjang pada setiap malam minggu. Pada masa yang sama, ruang tamu rumah panjang tempat kamu akan digunakan untuk sesi penggambaran oleh sebuah syarikat perfileman luar negara. Kamu dan rakan-rakan tidak berpuas hati dan merungut kerana tidak dapat menjalani latihan. Wajarkah tindakan kamu dan rakan-rakan? Berikan sebab.

Jawapan

Sebab

Tindakan toleransi

LIVEWORKSHEETS